

Pemilihan dan Penguasaan Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Bonggi

Akhmad Mansur^{1*}, Asbah Razali², Nurhamizah Hashim¹, Nurul Haniza Samsudin¹ dan Nur Azimah Mohd Bukhari¹

¹*Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia*

²*Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia*

ABSTRAK

Kepelbagaian etnik yang terdapat di Pulau Banggi menjadikan kawasan tersebut sebagai salah satu kawasan yang memperlihatkan penggunaan pelbagai bahasa dan dialek. Walaupun bahasa Melayu dialek Sabah merupakan bahasa pengantar utama di Pulau Banggi, namun kepelbagaian bahasa telah mempengaruhi pemilihan bahasa penutur di kawasan tersebut. Salah satu daripada etnik yang terkesan ialah masyarakat Bonggi. Kajian ini bertujuan menganalisis pemilihan bahasa yang digunakan oleh masyarakat Bonggi dalam pertuturan harian dalam domain kekeluargaan. Responden kajian merupakan masyarakat Bonggi yang menetap di Pulau Banggi yang terdiri daripada 370 orang. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif berdasarkan pendekatan kuantitatif untuk mengumpul data. Soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian untuk mendapatkan maklumat pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan berdasarkan Teori Domain oleh Fishman (1972). Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat Bonggi dominan memilih bahasa Bonggi dan bahasa Melayu dialek Sabah sebagai bahasa perhubungan dalam domain kekeluargaan. Dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Dusun, Bajau, Ubian sebagai bahasa perhubungan dalam domain tersebut. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat segelintir penutur yang sudah tidak mampu lagi

bertutur dalam bahasa Bonggi dan hanya mampu menguasai bahasa etnik lain dan bahasa Melayu dialek Sabah semata-mata. Kajian ini penting sebagai pencetus kepada usaha pelestarian dan pemeliharaan bahasa oleh masyarakat bagi memastikan bahasa Bonggi terus digunakan.

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 13 September 2023

Accepted: 18 December 2023

Published: 05 February 2024

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S1.02>

E-mail addresses:

akhmadmansur@um.edu.my (Akhmad Mansur)

asbahrazali@um.edu.my (Asbah Razali)

aace@um.edu.my (Nurhamizah Hashim)

haniza_85@um.edu.my (Nurul Haniza Samsudin)

azimah_bukhari09@um.edu.my (Nur Azimah Mohd Bukhari)

*Corresponding author

Kata kunci: Masyarakat Bonggi, pemilihan bahasa, pertembungan bahasa, sosiolinguistik, Teori Domain

Language Choice and Proficiency among the Bonggi Community

ABSTRACT

The diversity of ethnicities on Bonggi Island cultivates an environment characterized by a rich tapestry of languages and dialects. Notwithstanding the prominence of the Sabah Malay dialect as the prevailing mode of communication, the heterogeneous linguistic landscape has exerted a discernible influence on the selection of languages. One ethnic group particularly impacted by this phenomenon is the Bonggi community. This scholarly inquiry is dedicated to exploring linguistic proclivities in the routine familial discourse of the Bonggi community. The cohort under study comprises 370 members of the Bonggi community, all of whom are residents of Bonggi Island. The study, employing a methodology anchored in quantitatively driven descriptiveness, leverages a questionnaire structured upon the theoretical framework of Fishman's Domain Theory (1972). The findings shed light on a prevailing predilection among the Bonggi community for the employment of both the native Bonggi language and the Sabah Malay dialect as communicative vehicles within the familial ambit. Furthermore, the research underscores the concurrent utilization of other languages within the same familial domain, such as Dusun, Bajau, and Ubian. Intriguingly, some participants have transitioned away from the Bonggi language, relying solely upon other ethnic languages or the Sabah Malay dialect. In a broader context, this study assumes significance as a catalytic driver for initiatives aimed at preserving and perpetuating the Bonggi language within the community, thereby ensuring its sustained functional relevance.

Keywords: *Bonggi community, Domain Theory, language choice, language contact, sociolinguistics*

PENGENALAN

Kepelbagaian bahasa, kaum dan sosiobudaya dalam sesebuah kawasan mendorong berlakunya pertembungan dalam pelbagai aspek, termasuklah pertembungan bahasa. Pertembungan bahasa secara lazim akan mewujudkan beberapa gejala, seperti pengekalan bahasa ibunda seseorang penutur, kepupusan bahasa, pengalihan bahasa dan mewujudkan masyarakat dwibahasa. Gejala ini pula mendorong berlakunya fenomena lain, seperti pemilihan bahasa, perubahan bahasa, percampuran dan peralihan kod serta peminjaman bahasa. Kesan yang paling ketara akibat pertembungan bahasa

ialah kewujudan masyarakat dwibahasa apabilanya terdapat penggunaan lebih daripada satu bahasa dalam kelompok masyarakat tersebut. Masyarakat dwibahasa biasanya cenderung menggunakan satu bahasa dan beralih (*shift*) kepada bahasa yang lain (Fasold, 1984: 213). Bahasa yang dipilih untuk berkomunikasi bergantung pada topik, tajuk, dan penutur yang terlibat dalam perbicaraan tersebut.

Kajian ini menganalisis penggunaan bahasa dalam masyarakat Bonggi, iaitu salah satu masyarakat peribumi yang menetap di Pulau Bonggi, Sabah, Malaysia. Kepelbagaian etnik yang terdapat di Pulau

Banggi mewujudkan pertembungan bahasa yang juga memberikan kesan kepada masyarakat Bonggi hingga melahirkan penutur pelbagai bahasa kerana mampu berkomunikasi menggunakan lebih daripada satu bahasa. Kepelbagaian etnik di pulau tersebut mengakibatkan pemilihan bahasa berlaku bagi memudahkan komunikasi. Dalam kes tersebut, dialek Melayu Sabah (DMS) menjadi pilihan utama. Namun begitu, pengaruh bahasa etnik lain di pulau tersebut cukup kuat sehingga mempengaruhi segelintir masyarakat Bonggi untuk mempelajari bahasa etnik lain. (Boutin & Boutin, 1986: 89-91). Hal ini kerana masyarakat Bonggi merasakan bahawa kemahiran berkomunikasi dalam bahasa lain merupakan suatu kelebihan dan menyebabkan mereka lebih dihormati oleh penutur bahasa orang yang dilawan bercakap. Penggunaan bahasa etnik lain oleh masyarakat Bonggi tidak hanya berlangsung di luar rumah, bahkan di dalam rumah. Oleh itu, kajian ini akan mengupas pemilihan bahasa yang berlaku dalam masyarakat Bonggi dengan tumpuan pada domain kekeluargaan sahaja.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian yang dilakukan oleh Mis (2011) menggunakan teori domain oleh Fishman (1972) untuk memerihalkan pilihan bahasa di Sarawak. Dengan menggunakan kaedah soal selidik, temu bual dan rakaman suara, beliau telah mengumpul maklumat berkenaan pemilihan bahasa daripada masyarakat Melayu, Iban, Cina dan Melanau di kawasan Sarikei, Sarawak. Dalam kajian

tersebut juga beliau telah menetapkan sebanyak enam domain(1) keluarga, (2) persahabatan, (3) pasar dan kedai, (4) bank, hospital dan klinik, (5) sukan dan (6) riadah. Dapatan soal selidik beliau menunjukkan bahasa Iban merupakan pilihan bahasa yang paling utama jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain di bandar Sarikei, Sarawak. Hal tersebut menunjukkan bahawa bahasa Iban merupakan bahasa yang bersifat *lingua franca* dalam kalangan suku kaum Melayu, Iban dan Cina. Hal ini berbeza dengan masyarakat Melanau yang memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perhubungan utama mereka. Hasil kajian beliau juga menunjukkan bahawa sebahagian besar penduduk di bandar Sarikei mengetahui tiga atau empat bahasa.

Kajian berkaitan pemilihan bahasa akibat pertembungan juga telah dibuat oleh Tasah (2021) dan turut menggunakan teori domain yang dikemukakan oleh Fishman (1972). Dengan berfokuskan pada seramai 70 orang kanak-kanak pelarian di Koza yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah, sekolah menengah kerajaan dan sekolah tinggi kerajaan, pengkaji telah menganalisis pemilihan bahasa dan penggunaan bahasa oleh subjek kajian. Dalam kajian tersebut, dinyatakan bahawa bahasa ibunda kanak-kanak tersebut berpotensi terancam disebabkan wujudnya pertembungan dari segi bahasa dan juga ekonomi. Hasil kajian menunjukkan bahawa subjek kajian masih mengekalkan penggunaan bahasa ibunda mereka. Namun begitu, bahasa ibunda dan identiti kanak-kanak pelarian tersebut juga berpotensi lenyap disebabkan proses

integrasi antara kanak-kanak tersebut dengan penduduk setempat yang lain. Hal ini kerana kebanyakan daripada subjek kajian memperlihatkan sikap positif terhadap bahasa tempatan dan lebih selesa menetap di kawasan tersebut secara kekal. Hal ini secara jelas mampu mengganggu gugat identiti dan bahasa ibunda kanak-kanak pelarian di Koza.

Kajian yang dilakukan oleh Diaz (2022) juga berkenaan pemilihan bahasa oleh golongan belia di Filipina dalam domain kekeluargaan dan berfokus pada peranan aspek interaksi jantina dan etnik terhadap penggunaan bahasa. Dalam kajian tersebut, sejumlah 33 individu terpilih menjadi responden kajian yang berusia antara 15 hingga 24 tahun. Kesemua responden merupakan responden daripada pelbagai etnik. Kajian tersebut menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data kajian dan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Tagalog menjadi bahasa pilihan utama golongan belia dalam domain kekeluargaan berbanding bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Chavacano, Bisaya dan bahasa Tausug. Pengkaji turut menjelaskan bahawa faktor jantina dan etnik tidak memainkan peranan yang signifikan dalam penentuan pemilihan bahasa dalam kalangan belia di Filipina.

Kajian berkaitan pemilihan bahasa yang akhirnya membawa kepada percampuran dan pengalihan kod pula telah dilakukan oleh Zolkapli et al. (2022) yang memfokuskan kepada pengalihan dan percampuran kod dalam amalan penulisan penghakiman di

Malaysia. Dalam kajian ini, sejumlah 32 sampel amalan penulisan yang diambil daripada jurnal "The Current Law" dan dianalisis menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh Appel dan Musyken serta Malik untuk menganalisis aspek percampuran dan pengalihan kod. Hal ini kerana dokumen tersebut merupakan dokumen rasmi yang boleh dibaca oleh masyarakat umum, kurang tepat pemilihan perkataan berdasarkan terma-terma tertentu mampu melahirkan salah faham oleh pembaca. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak penggunaan alih kod berbentuk intrasentential, intersentential dan sebagai dalam penulisan penghakiman tersebut. Beliau turut menjelaskan korpus linguistik amat terhad mengenai terma undang-undang dalam bahasa kebangsaan. Oleh itu, pakar bahasa seharusnya meningkatkan usaha mereka untuk memperluas korpus dan meningkatkan kesedaran tentang terma-terma tersebut melalui kursus bahasa untuk para pengamal undang-undang di Malaysia.

Kajian pemilihan bahasa juga telah dilakukan oleh Saari dan Radzi (2023) yang berfokus pemilihan bahasa oleh Orang Asli Kok Lanas dengan tumpuan pada tiga domain, iaitu domain semasa pengajaran dan pembelajaran, domain berinteraksi dengan etnik lain dan domain semasa bersosial. Dengan menggunakan teori analisis domain Fishman dan kaedah soal selidik serta temu bual, beliau menjelaskan bahawa penggunaan bahasa Melayu standard masih menjadi pilihan utama di samping beberapa bahasa lain seperti bahasa Temiar, dialek

Kelantan, bahasa Iban dan bahasa Campa. Selain itu, faktor seperti rakan-rakan, guru akademik, masyarakat sekeliling, keturunan pelbagai faktor lain menjadi penentu pemilihan bahasa oleh Orang Asli semasa berkomunikasi.

Kajian oleh Hussin dan Suhaimi (2023) juga turut berfokuskan pada pemilihan dan penguasaan bahasa oleh anak-anak pasangan kahwin campur Orang Asli Jakun di kawasan Bukit Ibam, Pahang. Dalam kajian ini teori analisis domain oleh Fishman (1972) turut digunakan untuk menganalisis domain kekeluargaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Melayu masih menjadi bahasa pilihan utama dalam komunikasi harian mereka. Hal tersebut dikatakan secara langsung membantu tahap penguasaan bahasa Melayu menjadi lebih terutamanya dari aspek bacaan dan menulis.

Kajian-kajian terdahulu memperlihatkan bahawa kajian berkenaan pemilihan bahasa penting dijalankan bagi mengetahui status pemilihan bahasa terutamanya melibatkan masyarakat kelompok minoriti bagi mengetahui daya tahan bahasa kelompok tersebut. Kepelbagaian kajian berkenaan pemilihan bahasa dalam kajian-kajian sebelum memperlihatkan bahawa pemilihan bahasa merupakan suatu kajian yang perlu dilakukan kerana berpotensi menyebabkan sesebuah bahasa pupus. Keunikan penggunaan pelbagai bahasa dalam domain kekeluargaan masyarakat Bonggi menjadi topik utama kajian ini kerana masyarakat Bonggi merupakan penduduk asal Pulau Banggi dan seharusnya bahasa Bonggi menjadi bahasa pengantar

utama dalam keluarga berketurunan Bonggi. Namun perkara tersebut tidak berlaku dalam masyarakat Bonggi kerana mereka lebih senang bertutur dalam bahasa etnik lain yang dikuasai serta wujud sifat tidak mahu bertutur dalam bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda masyarakat Bonggi terutamanya bagi K1 dan K2. Bahkan, perkahwinan campur dalam masyarakat Bonggi memperlihatkan bahawa bahasa pasangan berlainan etnik menjadi bahasa pilihan utama walaupun menetap di perkampungan masyarakat Bonggi. DMS juga menjadi antara bahasa pilihan utama sesetengah keluarga ketika berkomunikasi walaupun kesemua ahli keluarga berketurunan Bonggi (mengikut nasab bapa). Pemilihan tersebut jelas memperlihatkan bahawa bahasa Bonggi berpotensi pupus dan tidak lagi dituturkan pada masa hadapan. Hasil penelitian ini mampu membantu pemilik sesebuah bahasa khususnya masyarakat Bonggi untuk melakukan perancangan bahasa bagi memastikan bahasa ibunda mereka kekal digunakan dan tidak pupus.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan data. Pemilihan responden dalam kajian ini ditentukan menggunakan kaedah penentuan responden yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Berdasarkan penentuan saiz sampel yang dikemukakan, sekiranya jumlah saiz penduduk berjumlah 150 orang, maka saiz sampel yang perlu dalam kajian berjumlah 108 orang. Berdasarkan penentuan jumlah

responden oleh Krejcie dan Morgan (1970: 608), sejumlah 361 orang sahaja diperlukan untuk mewakili keseluruhan populasi, iaitu daripada keseluruhan anggaran enam ribu orang masyarakat Bonggi di Pulau Banggi. Namun begitu, jumlah tersebut dikenakan kepada 370 orang dan dibahagikan kepada tiga kelompok utama, iaitu kelompok pertama (K1) bagi responden yang berumur tujuh tahun hingga 19 tahun, kelompok kedua (K2) pula responden yang berumur 20 tahun hingga 50 tahun, manakala bagi kelompok ketiga (K3) pula merupakan responden yang berumur 51 tahun dan ke atas. Pengelompokan ini dibuat dengan mengambil kira bahawa K1 merupakan generasi yang sedang mendapatkan pendidikan secara formal dan berpotensi terpengaruh dengan bahasa pengantar di sekolah. Kelompok K2 merupakan generasi kedua masyarakat Bonggi dan kebanyakannya terlibat dengan alam pekerjaan. K3 pula merupakan antara generasi awal masyarakat Bonggi. Pemilihan responden juga dipilih dengan menggunakan umur dan lokasi perkampungan masyarakat Bonggi sebagai pemboleh ubah utama dalam kajian ini. Kesemua responden yang dipilih mewakili setiap perkampungan masyarakat Bonggi serta perkampungan campuran (didiami oleh pelbagai etnik)

Pemilihan responden dalam kajian ini menggunakan kaedah pensampelan kuota dengan memilih subjek berlapis secara kebetulan. Selain itu, temu bual tidak berstruktur juga turut digunakan untuk menemu bual informan secara tidak formal untuk mengetahui status pemilihan bahasa

dalam kalangan penutur bahasa Bonggi di semua perkampungan masyarakat Bonggi. Namun begitu, masyarakat Bonggi yang menetap di luar perkampungan masyarakat Bonggi juga turut dilibatkan. Kajian ini juga menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan data. Data yang diperolehi dianalisis berdasarkan jumlah, kekerapan dan peratusan penggunaan sesebuah bahasa yang digunakan dalam domain kekeluargaan.

Kajian ini dilakukan berpandukan pada teori analisis domain yang dikemukakan oleh Fishman (1972) untuk menganalisis pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat Bonggi. Fishman (1972: 244) menjelaskan bahawa analisis domain merupakan “siapa yang bercakap dalam bahasa apa kepada siapa dan bila”. Pemilihan bahasa oleh seseorang individu biasanya dipengaruhi oleh topik perbualan, hubungan antara penutur-pendengar, cara penyampaian, konteks perbualan dan pelbagai pemboleh ubah yang lain. Terdapat beberapa domain yang telah dikemukakan oleh Fishman (1972). Namun, kajian ini hanya berfokus domain kekeluargaan sahaja. Dalam domain tersebut, terdapat tujuh subdomain yang terkandung dalam domain kekeluargaan: (1) subdomain berkomunikasi dengan datuk dan nenek, (2) ayah dan ibu, (3) ayah dan ibu mertua, (4) anak, (5) menantu, (6) pasangan suami isteri dan (7) adik-beradik. Justifikasi pemilihan domain kekeluargaan sahaja disebabkan keunikan penggunaan bahasa dalam keluarga masyarakat Bonggi, iaitu wujud penggunaan pelbagai bahasa selain daripada bahasa Bonggi ketika

berkomunikasi sesama keluarga masyarakat Bonggi. Selain itu juga, kajian ini ingin melihat pengaruh bahasa-bahasa lain dalam domain kekeluargaan kerana dalam domain tersebut pembelajaran bahasa ibunda bermula dan dituturkan agar kekal dan tidak pupus. Selain itu juga, perkahwinan campur dalam masyarakat Bonggi yang melibatkan dua atau lebih etnik lain mengakibatkan bahasa Bonggi tidak menjadi pilihan bahasa utama dalam komunikasi keluarga walaupun ketua keluarga (bapa) berketurunan Bonggi.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Tahap Kemahiran Berkomunikasi dalam Bahasa Bonggi

Bahasa Bonggi merupakan bahasa ibunda masyarakat Bonggi. Berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan, didapati bahawa terdapat segelintir anggota masyarakat tidak mahir dan tidak tahu

berkomunikasi dalam bahasa Bonggi. Hal ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 1 yang menunjukkan tahap kemahiran berkomunikasi menggunakan bahasa Bonggi.

Jadual 1 menunjukkan sejumlah 19 orang (5.1%) dalam kalangan responden kajian tidak tahu untuk berkomunikasi dalam bahasa Bonggi. Daripada jumlah tersebut, seramai 15 orang (4.1%) merupakan responden dalam kalangan K1, manakala bagi K2 pula, sejumlah tiga orang (0.8%) tidak mampu bertutur dalam bahasa Bonggi. Bagi K3 pula, hanya seorang (0.3%) sahaja yang tidak mampu untuk bertutur dalam bahasa Bonggi. Bagi kategori kurang mahir pula, dapat dijelaskan bahawa terdapat sejumlah 15 orang (4.1%) responden berada dalam tahap ini ketika berkomunikasi dengan masyarakat Bonggi. Daripada jumlah tersebut, seramai 13

Jadual 1

Tahap kemahiran berkomunikasi responden kajian dalam bahasa Bonggi

		Kategori			Jumlah
		K1	K2	K3	
Tidak tahu	Kekerapan	15	3	1	19
	Peratusan	4.1%	0.8%	0.3%	5.1%
Kurang mahir	Kekerapan	13	2	0	15
	Peratusan	3.5%	0.5%	0.0%	4.1%
Sederhana mahir	Kekerapan	58	33	10	101
	Peratusan	15.7%	8.9%	2.7%	27.3%
Mahir	Kekerapan	24	74	25	123
	Peratusan	6.5%	20.0%	6.8%	33.2%
Sangat mahir	Kekerapan	3	46	63	112
	Peratusan	0.8%	12.4%	17.0%	30.3%
Jumlah	Kekerapan	113	158	99	370
	Peratusan	30.5%	42.7%	26.8%	100.0%

orang (3.5%) merupakan responden dalam kalangan K1 dan dua orang (0.5%) dalam kalangan K2. Jumlah responden pada tahap tidak tahu dan tidak mahir bertutur dalam bahasa Bonggi boleh dikatakan sebagai satu jumlah yang agak besar dan perlu diatasi bagi berlakunya kepupusan bahasa. Namun begitu, masih terdapat anggota masyarakat Bonggi yang mampu bertutur bahasa ibunda mereka pada tahap sederhana mahir, iaitu berjumlah 27.3%. Daripada jumlah yang dinyatakan, sejumlah 58 orang (15.7%) merupakan responden dalam kalangan K1, 33 orang (8.9%) dalam kalangan K2 dan 10 orang (2.7%) merupakan responden dalam kalangan K3. Penutur dalam kalangan ini biasanya akan bertutur dalam bahasa Bonggi

dan melakukan proses percampuran kod dan pengalihan kod ketika berkomunikasi dengan anggota masyarakat.

Bagi kategori seterusnya pula, sejumlah 123 orang (33.2%) merupakan penutur yang mahir berkomunikasi dalam bahasa Bonggi. Jumlah penutur dalam kedua-dua kategori ini merupakan jumlah yang agak besar dan perlu dikekalkan bagi memastikan kelangsungan hidup bahasa Bonggi dalam masyarakat. Selain memiliki kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Bonggi dan dialek Melayu Sabah, masyarakat Bonggi juga memiliki kemahiran berkomunikasi dalam bahasa lain seperti bahasa Bajau, Balabak, Dusun, Kagayan dan Ubian (Jadual 2).

Jadual 2
Penguasaan bahasa asing dalam masyarakat Bonggi

		Kategori			
		K1	K2	K3	Jumlah
Tiada	Kekerapan	111	141	73	325
	Peratusan	30.0%	38.1%	19.7%	87.8%
Bajau	Kekerapan	1	6	16	23
	Peratusan	0.3%	1.6%	4.3%	6.2%
Balabak	Kekerapan	0	1	1	2
	Peratusan	0.0%	0.3%	0.3%	0.5%
Dusun	Kekerapan	1	1	0	2
	Peratusan	0.3%	0.3%	0.0%	0.5%
Kagayan	Kekerapan	0	1	1	2
	Peratusan	0.0%	0.3%	0.3%	0.5%
Ubian	Kekerapan	0	8	8	16
	Peratusan	0.0%	2.2%	2.2%	4.3%
Jumlah	Kekerapan	113	158	99	370
	Peratusan	30.5%	42.7%	26.8%	100.0%

Jadual tersebut menunjukkan bahawa bahasa asing yang paling banyak dikuasai oleh masyarakat Bonggi ialah bahasa Bajau, iaitu berjumlah 23 orang (6.2%) yang majoritinya merupakan penutur dalam kalangan K3. Jumlah selebihnya pula merupakan penutur dalam kalangan K2, yang berjumlah enam orang (1.6%) dan dua orang (0.5%) dalam kalangan K1. Bahasa asing kedua yang paling banyak dikuasai oleh masyarakat Bonggi ialah bahasa Ubian, iaitu berjumlah 17 orang (4.6%). Daripada jumlah tersebut, seramai sembilan orang (2.4%) merupakan responden dalam kalangan K2 dan sejumlah lapan orang (2.2%) dalam kalangan K3. Masyarakat Bonggi khususnya K3 cenderung mempelajari kedua-dua bahasa tersebut disebabkan jumlah penuturnya yang ramai dan merupakan bahasa yang kerap digunakan dalam perbualan harian

selain daripada DMS. Pembelajaran bahasa asing tersebut secara langsung menjadikan masyarakat Bonggi sebagai penutur pelbagai bahasa dan mempengaruhi pemilihan bahasa dalam perbualan harian mereka terutamanya dalam domain kekeluargaan.

Pemilihan Bahasa dalam Domain Kekeluargaan

Selain mengamalkan perkahwinan sesama etnik, masyarakat Bonggi juga turut berkahwin dengan penduduk berlainan etnik dan agama. Perkahwinan campur yang berlaku dalam masyarakat Bonggi sedikit sebanyak mempengaruhi pemilihan bahasa dalam komunikasi terutamanya dalam domain kekeluargaan. Faktor tersebut juga merupakan salah satu faktor yang berlakunya pembelajaran bahasa asing dalam kalangan masyarakat Bonggi.

Jadual 3

Pemilihan bahasa dalam subdomain berkomunikasi dengan datuk dan nenek

		Kategori			Jumlah
		K1	K2	K3	
Bahasa Bonggi	Kekerapan	111	141	73	325
	Peratusan	30.0%	38.1%	19.7%	87.8%
Bahasa Bonggi dan DMS	Kekerapan	1	6	16	23
	Peratusan	0.3%	1.6%	4.3%	6.2%
Bahasa Bajau dan DMS	Kekerapan	0	1	1	2
	Peratusan	0.0%	0.3%	0.3%	0.5%
DMS	Kekerapan	1	1	0	2
Jumlah	Kekerapan	113	158	99	370
	Peratusan	30.5%	42.7%	26.8%	100.0%

Jadual 3 menunjukkan seramai 82 orang (22.2%) dalam K1 bertutur menggunakan bahasa Bonggi sebagai bahasa perantara ketika berkomunikasi dengan datuk dan nenek. Bagi K2 pula seramai 149 orang, iaitu sebanyak 40.3% daripada 158 orang menggunakan bahasa Bonggi sebagai medium komunikasi, manakala bagi K3 pula seramai 96 orang bertutur menggunakan bahasa Bonggi sahaja ketika berkomunikasi dengan datuk dan nenek, iaitu sebanyak 25.9%. Daripada jumlah tersebut, dapat dijelaskan bahawa masyarakat Bonggi dalam semua kelompok tersebut lebih banyak menggunakan bahasa Bonggi sebagai bahasa komunikasi utama ketika berbual dengan datuk dan nenek. Hal ini kerana, kebanyakan generasi terdahulu tidak mahir berkomunikasi dalam bahasa lain.

Selain itu, terdapat juga segelintir masyarakat Bonggi yang turut berkomunikasi dalam dwibahasa, iaitu bahasa Bonggi dan juga DMS. Penggunaan dwibahasa disebabkan oleh kekangan bahasa oleh si penutur mahupun oleh orang yang dilawan bercakap. Berdasarkan perbincangan sebelumnya, terdapat segelintir masyarakat Bonggi yang tidak begitu mahir berkomunikasi dalam bahasa Bonggi. Maka, DMS menjadi pilihan utama ketika berkomunikasi. Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa seramai enam orang dalam K1 menggunakan dwibahasa ketika berkomunikasi dengan datuk dan nenek, iaitu sebanyak 1.6%, manakala dalam K2 pula seramai dua orang sahaja yang berkomunikasi dalam dwibahasa, iaitu sebanyak 0.5%. Bagi K3

pula, tidak seorang pun dalam kalangan responden yang menggunakan dwibahasa. Penggunaan dwibahasa yang melibatkan bahasa Bajau disebabkan oleh datuk dan nenek mereka berketurunan Bajau. Hal ini secara tidak langsung menjadikan bahasa Bajau sebagai bahasa pilihan dalam domain ini dan seterusnya dipelajari oleh anak-anak masyarakat Bonggi yang berkahwin campur.

Pemilihan DMS sebagai medium komunikasi dalam subdomain ini pula disebabkan DMS merupakan bahasa perantara utama di Pulau Banggi dan negeri Sabah terutamanya ketika berkomunikasi dengan pelbagai etnik lain. Oleh itu, dapat dilihat berdasarkan Jadual 3, DMS juga turut menjadi bahasa pilihan dalam subdomain ini. Sejumlah 25 orang, iaitu sebanyak 6.8% daripada K1 bertutur dalam DMS ketika berbual dengan datuk dan nenek. Kebanyakan daripada responden dalam kelompok ini mendapat pendidikan rasmi di sekolah-sekolah berhampiran dan kerap menggunakan DMS dalam komunikasi harian. Selain itu juga, kebanyakan daripada K1 tidak mempelajari bahasa Bonggi kerana bahasa pengantar utama di rumah mereka dialah DMS. Oleh itu, mereka lebih mahir berkomunikasi dalam DMS berbanding dengan bahasa ibunda mereka. Daripada jumlah tersebut, dapat disimpulkan bahawa bahasa Bonggi menjadi bahasa pilihan utama ketika berkomunikasi dengan datuk dan nenek. Namun begitu, penggunaan bahasa selain daripada bahasa Bonggi dalam domain ini memperlihatkan bahawa bahasa ibunda kurang dikuasai oleh generasi muda.

Berkomunikasi dengan Ayah dan Ibu Mertua

Analisis seterusnya merupakan analisis pemilihan bahasa dalam subdomain perbualan dengan ayah dan ibu. Terdapat empat jenis bahasa yang digunakan oleh para responden ketika berkomunikasi, iaitu hanya menggunakan bahasa Bonggi, percampuran antara bahasa Bonggi dengan DMS, percampuran bahasa Bajau dan DMS dan hanya menggunakan DMS. Daripada jumlah keseluruhan, hanya 310 orang sahaja yang bertutur dalam bahasa Bonggi sepenuhnya ketika berkomunikasi dengan ibu bapa, manakala sejumlah 60 orang bertutur dalam dwibahasa dan DMS sahaja. Jumlah ini merupakan jumlah yang agak besar kerana berpotensi menjadi lebih ramai. Daripada 60 orang tersebut, sejumlah 14 orang bertutur dalam dwibahasa, iaitu berlakunya percampuran kod dan pengalihan kod ketika berkomunikasi. Pertuturan jenis ini berpotensi menggantikan bahasa Bonggi sebagai medium utama ketika berkomunikasi dengan ibu bapa. Bagi mereka yang berada dalam keluarga yang mengamalkan kahwin campur mula, dapat dilihat bahawa sejumlah lima orang yang bertutur tanpa menggunakan bahasa Bonggi tetapi bertutur dalam bahasa Bajau dan juga DMS.

Hal ini memperlihatkan bahawa dalam keluarga tersebut, bahasa Bonggi tidak menjadi pilihan utama ketika berkomunikasi. Bahkan ibu atau bapa responden yang berketurunan Bonggi juga turut tidak bertutur dalam bahasa Bonggi dan lebih memilih DMS sebagai bahasa komunikasi.

Pemilihan bahasa Bajau dalam perbualan harian disebabkan oleh kahwin campur dalam keluarga tersebut dan dalam kes ini sama ada ibu atau bapa responden berketurunan Bajau menyebabkan anak-anak (responden) mempelajari bahasa Bajau dan menuturkannya dalam perbualan harian hingga mampu menuturkannya dengan baik. Namun begitu, ada dalam kalangan responden dilihat lebih mahir menuturkan bahasa Bajau berbanding bahasa Bonggi walaupun berketurunan Bonggi.

Jika dilihat pada pemilihan bahasa oleh K1 pula dalam Jadual 4, sejumlah 31 orang memilih DMS sebagai bahasa pertuturan dengan ibu dan bapa mereka. Bahkan sejumlah 41 orang memilih DMS sebagai bahasa perantara utama dalam subdomain ini. Kebanyakan ibu bapa dalam masyarakat Bonggi tidak mengajarkan bahasa Bonggi kepada anak mereka kerana beranggapan anak-anak mereka akan sukar untuk berkomunikasi di sekolah jika hanya menguasai bahasa Bonggi semata-mata. Oleh itu, DMS menjadi bahasa pilihan utama dalam keluarga tersebut.

Bagi K2, iaitu seramai lima (1.4%) orang dalam kelompok ini turut menggunakan dwibahasa ketika berkomunikasi dengan ibu bapa. Hal ini menunjukkan wujud usaha sama ada daripada si penutur mahupun ibu bapa responden untuk bertutur dalam bahasa Bonggi bagi tujuan pembelajaran dan menggalakkan ahli keluarga mereka terus menggunakan bahasa Bonggi dalam perbualan harian terutamanya dalam domain kekeluargaan. Penggunaan bahasa Bonggi dan dicampurkan dengan dialek

Jadual 4

Pemilihan bahasa dalam subdomain berkomunikasi dengan ibu dan bapa

		Kategori			Jumlah
		K1	K2	K3	
Bahasa Bonggi	Kekerapan	73	143	94	310
	Peratusan	19.7%	38.6%	25.4%	83.8%
Bahasa Bonggi dan DMS	Kekerapan	9	5	0	14
	Peratusan	2.4%	1.4%	0.0%	3.8%
Bahasa Bajau dan DMS	Kekerapan	0	2	3	5
	Peratusan	0.0%	0.5%	0.8%	1.4%
DMS	Kekerapan	31	8	2	41
	Peratusan	8.4%	2.2%	0.5%	11.1%
Jumlah	Kekerapan	113	158	99	370
	Peratusan	30.5%	42.7%	26.8%	100.0%

Melayu Sabah tidak berlaku dalam K3 disebabkan kelompok ini kebanyakannya mahir bertutur dalam bahasa Bonggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan percampuran bahasa antara bahasa Bonggi dan dialek Melayu Sabah hanya wujud dalam K1 dan K2 sahaja.

Berkomunikasi dengan Ayah dan Ibu Mertua

Komunikasi antara responden dengan ibu bapa mertua dilihat agak berbeza dengan perbualan dengan ibu bapa kandung. Hal ini kerana masyarakat Bonggi merupakan kelompok masyarakat yang agak terbuka dalam aspek perkahwinan, iaitu turut mengamalkan perkahwinan campur antara etnik. Kajian menunjukkan bahawa ada dalam kalangan masyarakat Bonggi yang berkahwin dengan masyarakat Bonggi, etnik Bajau, Suluk, Ubian, Dusun, dan juga Melayu semenanjung. Bahasa pilihan

utama ialah bahasa yang digunakan ialah bahasa pasangan masing-masing atau bertutur dalam DMS. Dalam subdomain ini, seramai 113 dalam K1 tidak terlibat untuk menjawab soalan ini disebabkan kelompok ini semuanya belum berkahwin.

Bagi K2 pula, seramai 79 orang, iaitu sebanyak 21.4% berkahwin dengan masyarakat Bonggi dan bertutur dalam bahasa Bonggi ketika berkomunikasi dengan ayah dan ibu mertua. Perkara yang sama juga turut berlaku dalam K3, iaitu seramai 91 orang (24.6%) berkahwin dengan masyarakat Bonggi dan juga menuturkan bahasa yang sama. Jumlah keseluruhan bagi pasangan yang berkahwin dan menuturkan bahasa Bonggi ketika berkomunikasi dengan ayah dan ibu mertua ialah seramai 170 orang, iaitu sebanyak 45.9% daripada jumlah keseluruhan masyarakat Bonggi yang telah berkahwin. Pemilihan bahasa yang seterusnya melibatkan penggunaan

percampuran bahasa antara bahasa Bonggi dan DMS. Penggunaan ini hanya terdapat dalam K2, iaitu seramai dua orang (0.5%) bertutur dalam dwibahasa dengan ayah dan ibu mertua. Dalam kes ini, responden berkahwin dengan masyarakat Bonggi namun tidak begitu mahir berkomunikasi dalam bahasa Bonggi. Oleh itu, responden memilih untuk menuturkan bahasa Bonggi dan DMS ketika berkomunikasi dengan ibu bapa mertua.

Responden dalam kajian ini juga turut berkahwin dengan pasangan berketurunan Bajau. Seramai tiga orang, masing-masing satu orang dalam K2 dan dua orang dalam K3 menggunakan DMS dan bahasa Bajau ketika berkomunikasi dengan ibu bapa mertua mereka (Jadual 5). Bagi pasangan yang berkahwin dengan etnik lain, anak yang lahir daripada pasangan ini berpotensi untuk tidak mampu berkomunikasi dalam bahasa Bonggi disebabkan bahasa Bonggi

tidak digunakan secara dominan dalam domain ini. Hal ini kerana ibu ataupun bapa mereka juga bukan berketurunan Bonggi. Dalam kes ini, anak pasangan ini berkemungkinan akan lebih menguasai bahasa Bajau berbanding dengan bahasa Bonggi. Hal ini secara tidak langsung akan mengurangkan penutur bahasa Bonggi yang mahir berbahasa Bonggi dan menyebabkan berlakunya pengalihan bahasa dalam kalangan masyarakat Bonggi.

Seterusnya, seramai 24 orang (6.5%) dalam K2 memilih menuturkan DMS ketika berkomunikasi dengan ibu bapa mertua. Penggunaan DMS secara dominan dalam domain ini berpotensi untuk menyebabkan kesemua ahli keluarga untuk terus berkomunikasi menggunakan bahasa yang lebih dominan dan menyebabkan bahasa Bonggi disisihkan dan tidak lagi dikuasai oleh generasi muda seterusnya.

Jadual 5
Berkomunikasi dengan ayah dan ibu mertua

		Kategori			
		K1	K2	K3	Jumlah
Bahasa Bonggi	Kekerapan	0	79	91	170
	Peratusan	0.0%	21.4%	24.6%	45.9%
Bahasa Bonggi dan DMS	Kekerapan	0	2	0	2
	Peratusan	0.0%	0.5%	0.0%	0.5%
Bahasa Bajau dan DMS	Kekerapan	0	1	2	3
	Peratusan	0.0%	0.3%	0.5%	0.8%
DMS	Kekerapan	0	24	5	29
	Peratusan	0.0%	6.5%	1.4%	7.8%
Tidak berkaitan	Kekerapan	113	52	1	166
	Peratusan	30.5%	14.1%	0.3%	44.9%
Jumlah	Kekerapan	113	158	99	370
	Peratusan	30.5%	42.7%	26.8%	100.0%

Hal yang sama berlaku dalam K3, iaitu seramai lima orang dalam kelompok ini menuturkan DMS dalam domain kekeluargaan. Walaupun ada dalam kalangan kelompok ini yang mahir berkomunikasi dalam bahasa Bonggi, namun kekangan bahasa oleh ibu bapa mertua menjadikan mereka terpaksa menggunakan DMS ketika berkomunikasi. Sekiranya perkara yang sama dipraktikkan kepada anak-anak mereka, dikhuatiri anak-anak mereka juga tidak akan mampu berkomunikasi dalam bahasa Bonggi.

Berkomunikasi dengan Adik-beradik

Ketika berkomunikasi dengan adik-beradik, masyarakat Bonggi juga turut memilih pelbagai bahasa merangkumi bahasa Bonggi, DMS dan bahasa Bonggi, bahasa Bajau, dan dialek Melayu Sabah sahaja. K1 seramai 75 orang (20.3%) menggunakan

bahasa Bonggi ketika berkomunikasi dengan adik-beradik, manakala tujuh orang (1.9%) pula berkomunikasi dengan adik-beradik menggunakan percampuran bahasa antara bahasa Bonggi dengan DMS. Dalam kelompok ini, tidak terdapat seorang pun dalam kalangan mereka yang bertutur menggunakan bahasa Bajau dan DMS kerana dalam kelompok ini tidak seorang pun mempunyai ayah ataupun ibu berketurunan Bajau. Selain itu, kelompok ini juga turut berkomunikasi dalam DMS dengan adik-beradik mereka disebabkan seramai 30 (8.1%) orang dalam kelompok ini tidak mahir bertutur dalam bahasa Bonggi. Hal ini disebabkan kebanyakan responden dalam kelompok ini tidak didedahkan dengan bahasa Bonggi, bahkan ibu bapa mereka juga turut berkomunikasi dalam DMS ketika berkomunikasi. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa pengaruh DMS dilihat cukup dominan dalam kelompok ini.

Jadual 6
Subdomain berkomunikasi dengan adik-beradik

		Kategori			Jumlah
		K1	K2	K3	
Bahasa Bonggi	Kekerapan	75	137	96	308
	Peratusan	20.3%	37.0%	25.9%	83.2%
Bahasa Bonggi dan DMS	Kekerapan	7	6	0	13
	Peratusan	1.9%	1.6%	0.0%	3.5%
Bahasa Bajau dan DMS	Kekerapan	0	2	2	4
	Peratusan	0.0%	0.5%	0.5%	1.1%
DMS	Kekerapan	30	13	1	44
	Peratusan	8.1%	3.5%	0.3%	11.9%
Tidak berkaitan	Kekerapan	1	0	0	1
	Peratusan	0.3%	0.0%	0.0%	0.3%
Jumlah	Kekerapan	113	158	99	370
	Peratusan	30.5%	42.7%	26.8%	100.0%

Bagi K2 pula seramai 137 orang (37.0%) masih menuturkan bahasa Bonggi ketika berbual dengan adik-beradik mereka. Seramai enam orang (1.6%) memilih untuk berkomunikasi dengan adik-beradik menggunakan kaedah percampuran bahasa, iaitu bercampur antara DMS dengan bahasa Bonggi. Selain itu, percampuran antara DMS dengan bahasa Bajau juga menjadi pilihan responden ketika berkomunikasi dengan adik-beradik. Hal ini kerana, responden dilahirkan dalam keluarga perkahwinan campur, sama ada ibu ataupun bapa responden berketurunan Bajau. Oleh itu, bahasa Bajau dan DMS merupakan pilihan bahasa responden. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Bonggi tidak lagi dipraktikkan dalam domain keluarga responden dan secara tidak langsung menunjukkan bahawa bahasa Bonggi telah disisihkan oleh keluarga responden ketika dalam domain kekeluargaan: subdomain perbualan dengan adik-beradik.

DMS juga merupakan bahasa dominan dalam subdomain ini kerana sejumlah 44 orang (11.9%) memilih untuk berkomunikasi dalam DMS dan boleh dikatakan jumlah tersebut juga merupakan jumlah penutur yang telah menyisihkan bahasa Bonggi dalam domain ini. Hal ini kerana responden lebih menguasai DMS berbanding bahasa ibunda mereka. Selain daripada DMS, bahasa Bajau juga turut menjadi pilihan penutur. Bagi pemilihan bahasa Bajau dan DMS pula, seramai dua orang memilih untuk menggunakan bahasa tersebut. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa DMS bersifat dominan dalam domain ini kerana

masih terdapat pengguna yang menuturkan bahasa walaupun berbual dalam domain kekeluargaan.

Berkomunikasi dengan Suami dan Isteri

Dalam subdomain ini, bahasa Bonggi masih merupakan bahasa pilihan utama para responden. Hal ini kerana kebanyakan responden berkahwin dengan masyarakat Bonggi. Namun begitu, jika dilihat berdasarkan Jadual 7, DMS merupakan bahasa pilihan kedua agak dominan. Seramai 25 orang (6.8%) bertutur dalam bahasa tersebut dengan pasangan mereka. Responden dalam kelompok ini lebih memilih untuk berkomunikasi dalam DMS berbanding menggunakan bahasa pasangan mereka. Selain itu, jumlah tersebut juga merupakan responden yang berkahwin dengan etnik yang sama, iaitu etnik Bonggi tetapi tidak bertutur dalam bahasa Bonggi dengan pasangan mereka. Hal ini kerana mereka tidak menguasai bahasa tersebut kerana tidak diajari oleh ibu bapa mereka. Hal ini secara jelas menunjukkan bahawa berlaku penyisihan dalam masyarakat Bonggi. Jika dilihat pada Jadual 6, terdapat seorang responden yang memilih bahasa Ubian dan DMS ketika berkomunikasi dengan pasangannya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Ubian lebih dominan dalam subdomain ini berbanding bahasa Bonggi.

Berkomunikasi dengan Anak

Subdomian seterusnya ialah pemilihan bahasa ketika berkomunikasi dengan

Jadual 7

Subdomain berkomunikasi dengan suami dan isteri

		Kategori			Jumlah
		K1	K2	K3	
Bahasa Bonggi	Kekerapan	1	75	88	163
	Peratusan	0.0%	20.3%	23.8%	44.1%
Bahasa Bonggi dan DMS	Kekerapan	0	2	1	3
	Peratusan	0.0%	0.5%	0.3%	0.8%
Bahasa Bajau dan DMS	Kekerapan	0	1	3	4
	Peratusan	0.0%	0.3%	0.8%	1.1%
Bahasa Ubian dan DMS	Kekerapan	0	0	1	1
	Peratusan	0.0%	0.0%	0.3%	0.3%
DMS	Kekerapan	0	25	3	28
	Peratusan	0.0%	6.8%	0.8%	7.6%
Tidak berkaitan	Kekerapan	113	55	3	171
	Peratusan	30.5%	14.9%	0.8%	46.2%
Jumlah	Kekerapan	113	158	99	370
	Peratusan	30.5%	42.7%	26.8%	100.0%

anak. Dalam subdomain ini, sejumlah 186 orang responden menanda tidak berkaitan dalam borang soal selidik yang diberikan kerana masih belum berkahwin dan tidak memiliki zuriat. Berdasarkan penyelidikan, dapat dijelaskan bahawa bahasa Bonggi masih menjadi bahasa pilihan masyarakat Bonggi ketika berkomunikasi dengan anak. Namun begitu seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, terdapat sejumlah 59 orang (15.9%) yang memilih DMS sebagai bahasa perantara. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Bonggi semakin disisihkan dan tidak diajar kepada generasi muda. Jadual 7 juga menunjukkan bahawa terdapat sejumlah 13 orang (3.5%) yang memilih dwibahasa ketika berkomunikasi dengan anak, iaitu menggunakan DMS dan bahasa Bonggi. Hal ini disebabkan mereka

menginginkan anak-anak mereka turut menguasai DMS atau BM bagi memudahkan anak mereka menyesuaikan diri di sekolah. Bagi mereka yang mengamalkan kahwin campur, penggunaan bahasa pasangan merupakan pilihan utama, iaitu sejumlah dua orang (0.5%) dan satu orang (0.3%) memilih bahasa Bajau dan bahasa Ubian sebagai bahasa pilihan utama. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa etnik pasangan lebih dominan berbanding bahasa ibunda masyarakat Bonggi. Perkara ini perlu diberi perhatian oleh masyarakat Bonggi bagi mengelakkan bahasa Bonggi semakin disisihkan oleh penuturnya

Pola Pemilihan Bahasa K1

Melalui analisis pemilihan bahasa yang telah dijalankan ke atas masyarakat Bonggi,

Jadual 8
Subdomain berkomunikasi dengan anak

		Kategori			
		K1	K2	K3	Jumlah
Bahasa Bonggi	Kekerapan	0	46	63	109
	Peratusan	0.0%	12.4%	17.0%	29.5%
Bahasa Bonggi dan DMS	Kekerapan	0	3	10	13
	Peratusan	0.0%	0.8%	2.7%	3.5%
Bahasa Bajau dan DMS	Kekerapan	0	1	1	2
	Peratusan	0.0%	0.3%	0.3%	0.5%
Bahasa Ubian dan DMS	Kekerapan	0	0	1	1
	Peratusan	0.0%	0.0%	0.3%	0.3%
DMS	Kekerapan	0	39	20	59
	Peratusan	0.0%	10.5%	5.4%	15.9%
Tidak berkaitan	Kekerapan	113	69	4	186
	Peratusan	30.5%	18.6%	1.1%	50.3%
Jumlah	Kekerapan	113	158	99	370
	Peratusan	30.5%	42.7%	26.8%	100.0%

iaitu dalam kalangan K1, dapat disimpulkan bahawa kelompok ini merupakan kelompok yang paling ramai menyisihkan bahasa Bonggi dan juga berkomunikasi secara campur kod dan alih kod sama ada dengan K2 dan K3 ataupun sesama K1. Penggunaan DMS secara berterusan dan pembelajaran secara formal menyebabkan kebanyakan responden dalam kelompok ini menyisihkan bahasa Bonggi dan lebih mengutamakan penggunaan DMS dalam perbualan harian. Hal ini dapat dilihat dalam hampir kesemua subdomain yang digunakan dalam kajian ini. Walaupun masih ramai dalam kalangan K1 yang boleh berbahasa Bonggi, namun jumlah penutur dalam kalangan ini yang tidak boleh berbahasa Bonggi juga agak ramai. Jumlah ini juga berpotensi untuk berkembang dan bertambah sekiranya

mereka tidak mempelajari bahasa Bonggi sama ada ketika berada di rumah ataupun ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan mereka.

Dalam domain kekeluargaan contohnya, iaitu pemilihan bahasa ketika berkomunikasi dengan ibu bapa menunjukkan bahawa seramai 31 orang (8.4%) daripada jumlah keseluruhan, iaitu seramai 113 orang responden memilih untuk bertutur dalam DMS. Bahkan terdapat sembilan orang responden bertutur secara campur kod dan alih kod dengan menggunakan bahasa Bonggi dan DMS dengan ibu bapa mereka. Walaupun penggunaan bahasa Bonggi dalam kalangan K1 juga masih ramai, namun daripada jumlah tersebut, tidak kesemua daripada mereka ini mahir menggunakan bahasa tersebut. Pemilihan DMS sebagai

salah satu bahasa komunikasi dalam domain kekeluargaan memperlihatkan bahawa K1 lebih selesa dan lebih mahir bertutur dalam DMS berbanding bahasa ibunda mereka. Jumlah tersebut secara jelas memperlihatkan bahawa bahasa Bonggi berpotensi pupus pada masa hadapan disebabkan generasi muda tidak lagi mahu dan tidak mahir bertutur dalam bahasa ibunda.

Pola Pemilihan Bahasa K2

Penutur dalam K2 kebanyakannya mahir bertutur dalam bahasa Bonggi. Hal ini dapat dilihat dalam domain yang telah dianalisis. Dalam analisis pemilihan bahasa, penutur bahasa Bonggi dalam kalangan K2 masih ramai dan kebanyakan daripada mereka merupakan penutur mahir bahasa Bonggi. Dapat dijelaskan bahawa dalam kalangan K2, bahasa Bonggi merupakan bahasa yang dominan. Dalam domain kekeluargaan contohnya, majoriti penutur dalam kalangan K2 menggunakan bahasa Bonggi ketika berkomunikasi. Penggunaan bahasa Bonggi juga dilihat secara meluas digunakan ketika kelompok ini bertemu dan berkomunikasi dengan K3. Hal ini mungkin disebabkan oleh rasa hormat serta kebanyakan dalam kalangan K3 juga tidak mahir bertutur dalam bahasa lain kecuali bahasa Bonggi. Namun begitu, dalam sebahagian subdomain seperti subdomain perbualan dengan anak, terdapat 39 orang responden memilih untuk bertutur dalam DMS dan 4 orang menggunakan dwibahasa ketika berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Penutur yang memilih untuk bertutur dalam bahasa Bonggi pula berjumlah 46 orang. Jika dilihat daripada

jumlah tersebut, dalam subdomain ini, terdapat 39 orang telah menyisihkan bahasa Bonggi, dan empat orang bertutur secara campur kod dan alih kod dengan anak mereka. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana jumlah tersebut berpotensi menyumbang kepada berlakunya penyisihan bahasa dalam kalangan generasi seterusnya disebabkan tiada penggunaan bahasa Bonggi dalam subdomain tersebut.

Selain penggunaan campur kod dan alih kod dalam bahasa Bonggi, terdapat juga penggunaan dwibahasa selain daripada DMS, iaitu penggunaan bahasa Bajau dan bahasa Ubian. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat segelintir penutur yang bertutur dalam bahasa Bajau dengan penutur lain yang juga berketurunan Bonggi. Penggunaan bahasa Bajau dalam situasi komunikasi tersebut menunjukkan bahawa bahasa Bajau lebih diutamakan sebagai bahasa pengantar komunikasi berbanding dengan bahasa Bonggi.

Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa pola pemilihan bahasa dalam kalangan K2 menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Bonggi masih tinggi dan kerap digunakan. Namun begitu, terdapat segelintir penutur yang tidak mahir bertutur dalam bahasa Bonggi memilih untuk bertutur dalam dialek Melayu Sabah dan juga bahasa-bahasa lain yang mereka kuasai. Pola pemilihan bahasa oleh K2 juga jelas menunjukkan bahawa terdapat segelintir penutur lebih selesa bertutur menggunakan DMS dengan anak. Hal ini kerana kelompok ini percaya bahawa DMS lebih tinggi statusnya berbanding bahasa Bonggi. Jika pola ini berterusan

dan ditambah dengan pola pemilihan oleh K1 yang lebih selesa bertutur dalam DMS, maka bahasa Bonggi berpotensi pupus pada masa hadapan. Penggunaan DMS yang kerap juga mampu menyisihkan kosa kata dalam bahasa Bonggi ekoran kurangnya penggunaan bahasa Bonggi dalam komunikasi harian terutamanya dalam domain kekeluargaan.

Pola Pemilihan Bahasa K3

Pola pemilihan bahasa oleh K3 dalam kajian ini menunjukkan bahawa hampir kesemua responden bertutur dalam bahasa Bonggi dalam kesemua domain yang dianalisis dalam kajian ini. Dalam domain kekeluargaan, hampir kesemua responden menggunakan bahasa Bonggi sebagai bahasa harian mereka. Penggunaan bahasa Bonggi secara kerap oleh penutur dalam kalangan K3 adalah disebabkan kelompok ini menguasai bahasa Bonggi sepenuhnya. Namun begitu, terdapat juga beberapa orang dalam kalangan K3 yang menggunakan DMS ketika berkomunikasi walaupun dalam domain kekeluargaan. Sebagai contohnya dalam subdomain berbual dengan anak.

Dalam subdomain ini, terdapat 20 orang memilih DMS sebagai bahasa yang digunakan ketika berbual dengan anak-anak mereka, manakala sejumlah 10 orang (2.7%) menggunakan dwibahasa, iaitu mencampurkan bahasa Bonggi dan DMS sama ada secara campur kod mahupun alih kod. Selain itu, terdapat juga penggunaan bahasa lain selain bahasa Bonggi dalam subdomain ini, iaitu adanya penggunaan bahasa Bajau dan bahasa Ubian ketika

berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Penggunaan kedua-dua bahasa tersebut didorong oleh hasil perkahwinan campur oleh penutur tersebut menyebabkan mereka turut menuturkan bahasa pasangan mereka dengan anak-anak mereka, iaitu bahasa Bajau dan bahasa Ubian. Walaupun kelompok ini merupakan penutur asal dan kelompok yang sangat menguasai bahasa Bonggi, namun pemilihan bahasa terutamanya DMS dan bahasa Bajau serta bahasa Ubian dalam komunikasi juga jelas menunjukkan bahawa bahasa Bonggi bukan bahasa pilihan utama ketika berkomunikasi dengan generasi muda. Apatah lagi ketika berkomunikasi dengan generasi muda terutamanya K1 yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Bonggi dan K2 yang tidak mahir berbahasa Bonggi. Halangan ketika berkomunikasi dalam bahasa Bonggi mampu mewujudkan ketidakselesaian yang akhirnya menyebabkan bahasa yang lebih dikuasai oleh orang yang dilawan bertutur menjadi bahasa pilihan utama, iaitu sama ada DMS, bahasa Bajau mahupun bahasa Ubian. Fenomena ini jelas memperlihatkan bahawa bahasa Bonggi sedang menuju ke arah kepupusan bahasa disebabkan generasi muda sudah tidak menguasai bahasa ibunda mereka sendiri.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa dalam semua kelompok penutur, iaitu K1, K2 dan K3, bahasa Bonggi masih menjadi bahasa pilihan utama untuk berkomunikasi dalam domain kekeluargaan. Walaupun bahasa Bonggi merupakan

bahasa dominan yang dipilih oleh masyarakat Bonggi, namun masih terdapat penggunaan DMS yang agak dominan dalam domain tersebut terutamanya dalam kalangan K1, K2 dan segelintir daripada K3. Kekekapan penggunaan DMS dalam domain kekeluargaan khususnya mampu menyebabkan berlakunya pengalihan bahasa dalam kalangan penutur bahasa Bonggi. Pengalihan tersebut akan bermula daripada penyisihan aspek leksikal, penyisihan separa dan akhirnya penyisihan secara sepenuhnya. Hal ini dapat dilihat pada pola pemilihan bahasa dalam kalangan penutur K1 dan K2 yang tidak mampu bertutur dalam bahasa Bonggi dan lebih menguasai DMS. Hal ini dipengaruhi oleh penggunaan bahasa Melayu sebagai medium pengajaran di sekolah. Namun begitu, penguasaan bahasa etnik lain seperti bahasa Bajau, bahasa Ubian dan pelbagai bahasa lain secara jelas menunjukkan bahawa bahasa-bahasa tersebut telah mengambil alih peranan bahasa Bonggi sebagai bahasa ibunda. Perkara tersebut juga menunjukkan bahawa bahasa etnik lain memiliki status yang lebih tinggi berbanding bahasa Bonggi kerana menjadi pilihan terutamanya dalam kalangan generasi muda berketurunan Bonggi. Penggunaan percampuran kod dan pengalihan dalam kalangan penutur yang menguasai pelbagai bahasa juga berisiko menyebabkan penutur tersebut semakin melupakan kosa kata asal dalam bahasa Bonggi dan menggantikannya dengan kosa kata daripada bahasa lain. Perkara ini perlu dibendung dan perancangan bahasa perlu dilakukan bagi memastikan

bahasa Bonggi dikuasai oleh generasi muda bagi mengelakkannya pupus akibat lebih mementingkan pembelajaran bahasa etnik lain dan DMS berbanding bahasa Bonggi.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada masyarakat Bonggi terutamanya kepada informan utama, iaitu Kasun kerana banyak membantu pengkaji ketika kajian ini dilakukan.

RUJUKAN

- Appel, R., & Muysken, P. (2005). *Language contact and bilingualism* (Reprint ed.). Amsterdam University Press.
- Boutin, M. E. & Boutin, A. (1986). *Indigenous groups of Sabah: An annotated bibliography of linguistic and anthropological sources*. Summer Institute of Linguistic (SIL)
- Diaz, A. (2022). The interplay of gender and ethnicity towards language choice of Filipino youth. *Ilomata International Journal of Social Science*, 3(2), 133-145. <https://doi.org/10.52728/ijss.v3i2.445>
- Fasold, R. W. (1984). *The sociolinguistics of society*. Oxford Basil Blackwell.
- Fishman, J. A. (1972). The relationship between micro- and macro-sociolinguistics in the study of who speaks what language to whom and when. In J. B. Pride & J. Holmes (Eds.) *Sociolinguistics* (pp.15-31). Penguin Books Ltd.
- Hussin, N. J., & Suhaimi, M. S. (2023). Pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan anak pasangan kahwin campur Orang Asli Jakun. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(1), 47-56. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v13i1.8424>.

- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/0013164470030003>
- Mis, M. A. (2011). Pilihan bahasa oleh suku kaum Melanau di negeri Sarawak. *Jurnal Linguistik*, 14(1), 1-22.
- Saari, K. A., & Radzi, H. (2023). Pemilihan bahasa dalam kalangan peserta latihan dan dakwah orang asli, Kok Lanas berdasarkan tiga domain. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 129-139.
- Tasah, J. N. (2021). Patterns of language choice in contact situations between Nigerian secondary school refugee children in Koza. *International Journal of Research in Humanities and Social Studies*, 8(1), 36-41. <https://doi.org/10.22259/2694-6296.0801005>
- Zolkapli, R. B. M., Mohamad, H. A., Mohaini, M. L., Wahab, N. H. A., & Nath, P. R. (2022). Code-switching and code-mixing in the practice of judgement writing in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 30(3), 1365-1382. <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.3.23>

